

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT) akan dilaksanakan dan apakah penambahan tarif hasil dari ICPT tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Mekanisme *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT) adalah diwujudkan di bawah kerangka *Incentive Based Regulation* (IBR). Ia meliputi kos kenaikan harga gas berpaip, kenaikan harga gas cecair asli (LNG) yang diimport dan juga kos-kos penjanaan elektrik yang lain. Prinsip ICPT adalah untuk melepaskannya kepada para pengguna melalui tarif elektrik yang dikenakan. Kenaikan kerana ketidakcekapan tidak tergolong dalam mekanisme ini dan tidak boleh dilepaskan kepada pengguna.

2. Namun begitu, sebagai Kerajaan yang bertanggung jawab dan peka terhadap kebajikan rakyat, Kerajaan akan menerokai pelbagai kaedah supaya ICPT ini tidak dilepaskan kepada rakyat sewenang-wenangnya. Umpamanya, Kerajaan akan menggunakan hasil penjimatan daripada rundingan perjanjian pembelian tenaga (*PPA saving*), dengan izin, bagi menampung kos ICPT tersebut. Dalam pada

itu, Kerajaan akan memastikan sebarang pelepasan kos ICPT tidak dikenakan kepada golongan berpendapatan rendah.

3. Sehubungan ini, Kerajaan telah memutuskan supaya para pengguna domestik seramai 4.56 juta orang yang menggunakan elektrik sebanyak 300kWj kebawah tidak terlibat dengan kenaikan tarif elektrik. Di samping itu, Kerajaan juga terus membantu dengan memberikan rebat kepada pengguna-pengguna yang menggunakan elektrik berjumlah RM20 dan kebawah sebulan sehingga 31 Disember 2014.

\*\*\*\*\*

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P  
PATTO  
[ BATU KAWAN ]  
DAP**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014, KHAMIS**

**SOALAN : 33**

Minta MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH menyatakan hasrat Kerajaan untuk menyerap masuk pelajar dari etnik lain ke dalam MARA dan jika tidak adakah Kerajaan akan menubuhkan satu agensi seperti MARA bagi pelajar-pelajar dan rakyat Malaysia dari latar belakang etnik yang lain.

## **JAWAPAN :**

### **Tuan Yang Di-Pertua,**

MARA telah melaksanakan pengambilan pelajar ke Institusi Pendidikan MARA (IPMa) seperti Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), German Malaysian Institute (GMI) dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) bagi pelajar daripada etnik lain (bukan Bumiputera) dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Peluang 10% daripada jumlah keseluruhan pelajar dibuka kepada pelajar bukan Bumiputera mengikut dasar pengambilan pelajar yang telah ditetapkan.

Bagi pengambilan pelajar tahun 2014, MARA telah memberi peluang kepada pelajar bukan Bumiputera menyambung pengajian di IPMa seperti berikut :

- i. Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) – 386 orang
- ii. Universiti Kuala Lumpur (UniKL) - 452 orang
- iii. German Malaysian Institute (GMI) - 146 orang
- iv. Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) - 178 orang.